

# Kerjasama aeroangkasa ditingkat

BH-24/5/2007

## Kerajaan sokong agensi tempatan pelajari teknologi sains angkasa di Jepun: PM

Azmi  
Md Deros  
di Tokyo, Jepun



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pihak terbabit dalam bidang aeroangkasa di Malaysia meningkatkan kerjasama dengan Agensi Eksplorasi Aeroangkasa Jepun (Jaxa) yang sudah mempunyai banyak pengalaman dalam teknologi berkenaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memberi sokongan sewajarnya kepada usaha mempelajari atau memindahkan teknologi dari agensi berkenaan yang mencapai banyak kejayaan membanggakan rakyat Jepun.

Ketika melawat Jaxa di Bandar Raya Sains Tsukuba, kira-kira 70 kilometer dari sini semalam, Perdana Menteri menyatakan kepada pihak pengurusan agensi itu mengenai hasrat Malaysia meningkatkan kerjasama dalam bidang aeroangkasa.

"Ketika ini sudah ada kerjasama dengan institusi kita yang terbabit dengan penyelidikan aeroangkasa dan saya gembira kerana kerjasama itu cukup baik.

"Saya nyatakan mereka perlu tingkatkan apa juga bentuk kerjasama diperlukan antara Jepun dan Malaysia mengenai sains angkasa lepas kerana kerajaan sedia memberi sokongan untuknya," katanya selepas melawat pusat itu.

Pada lawatan itu, Abdullah turut meluangkan masa selama lebih sejam untuk melihat perkembangan dan pencapaian Jaxa dalam memajukan sektor aeroangkasa Jepun sejak ia diwujudkan 37 tahun lalu.

Pada asal penubuhannya, ia mempunyai tiga entiti berasingan, iaitu Institut Angkasa dan Sains Astronautikal (Isas), Makmal Aeroangkasa Kebangsaan Jepun (NAL) dan Agensi Pembangunan Angkasa Kebangsaan Jepun (Nasda).

Bagaimanapun, pada 2003 ia digabungkan supaya dapat menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) aeroangkasa secara lebih menyeluruh.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri turut diberi taklimat mengenai agensi berkenaan oleh Presiden Jaxa, Keiji Tachikawa. Beliau turut dibawa



**BERKEMBANG PESAT:** Abdullah mendengar penerangan mengenai stesen angkasa lepas yang masih dalam pembinaan ketika mengadakan lawatan ke Jaxa di Bandar Raya Sains Tsukuba, kira-kira 70 kilometer dari Tokyo, semalam.

**“Apa yang saya lihat tadi ialah sesuatu yang belum saya lihat dan ia menjadi pembuka mata dan memahami apakah yang dilaksanakan di sini”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

meninjau persiapan pembinaan badan kapal angkasa lepas yang akan dilancarkan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) tahun ini.

Abdullah juga menyatakan keagumannya terhadap kejayaan Jepun meneroka bidang aeroangkasa yang setanding dengan apa dicapai Barat.

"Apa yang saya lihat tadi ialah sesuatu yang belum saya lihat dan ia menjadi pembuka mata dan memahami apakah yang dilaksanakan di sini. Pusat ini sudah 37 tahun ditubuhkan dan banyak pengalaman mereka ada," katanya.

Beliau berkata, ketika ini memang

sudah ada pihak tertentu dari Malaysia melawat Jaxa dan menjalani latihan dan ia boleh dipertingkatkan lagi supaya negara kita dapat meningkatkan penyertaan dalam bidang berkenaan.

Sementara itu, Tachikawa berkata, sejak diwujudkan Jaxa sudah berjaya melahirkan lapan angkasawan, termasuk dua wanita dan mengambil bahagian dalam tujuh misi angkasa lepas dengan kerjasama negara lain, termasuk Amerika Syarikat.

Antara kemudahan dibangunkan di pusat itu, termasuk pembangunan kapal angkasa, satelit, roket, latihan

angkasawan dan pusat kawalan serta tapak pelancaran satelit.

Katanya, matlamat penubuhan Jaxa ialah memastikan Jepun tidak ketinggalan dalam persaingan penerokaan dalam industri aeroangkasa, memperluaskan aktiviti dan penyelidikan menggunakan kecanggihan sains dan teknologi di luar bumi.

"Jaxa juga berharap dapat memperkenalkan pesawat mempunyai kelas kelajuan sehingga 5.0 Mach untuk membolehkan pergerakan lebih pantas antara benua dan menjadikan aeroangkasa sebagai industri penting bagi Jepun pada masa depan," katanya.